

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

Februari 1995

PDP 431 - Pentadbiran Am Sekolah

Masa : [2 jam]

Arahan: Jawab soalan No. 1 dan DUA soalan lain daripada soalan-
----- soalan No. 2 hingga No. 7

Soalan Wajib

1. a) Huraikan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.
b) Terangkan perkara-perkara yang seseorang calon patut memperlengkapkan diri mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1990 sebelum menghadiri temuduga SPP.

(40 markah)

Pilih mana-mana DUA soalan

2. "Kegiatan-kegiatan Persatuan Ibubapa Guru-Guru hendaklah diarahkan kesemuanya kepada kebajikan dan kemajuan murid-murid di sekolah di mana ianya ditubuhkan". Cadangkan aktiviti-aktiviti yang sesuai yang boleh dilaksanakan di sekolah untuk memenuhi maksud PIBG tersebut itu.

(30 markah)

3. Huraikan prosedur dan syarat-syarat pendaftaran :

- a) Sekolah dan
- b) Guru

(30 markah)

...2/-

- 2 -

4. "Dalam pengurusan kantin sekolah, pengetua hendaklah menentukan supaya faktor-faktor kebersihan dan kesihatan dari segala aspek diberi keutamaan dalam usaha menyediakan, menyimpan dan menjual makanan di kantin". Bincangkan.

(30 markah)

5. Huraikan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian jikalau anda ditugaskan oleh pengetua sekolah untuk menyediakan satu panduan "Kawad kecemasan kebakaran di sekolah".

(30 markah)

6. Pejabat sekolah biasanya mencerminkan kecekapan seorang pengetua mentadbir sekolahnya. Terangkan bagaimanakah pejabat sekolah patut diuruskan.

7. Merujuk kepada Carta Organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama soalan ini, huraikan bagaimana Kementerian Pendidikan ditadbir oleh anggota-anggota politik serta pegawai-pegawai awam. Terangkan fungsi-fungsi :

- a) Bahagian sekolah-sekolah dan
- b) Pusat Perkembangan Kurikulum

(30 markah)

- oooOoooo -

Organisasi sistem pentadbiran pendidikan kebangsaan di Malaysia

